

MAHATHIR-DINAMIS

1983

KUALA LUMPUR, 6 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MAHUKAN RAKYAT NEGARA INI DILATIH UNTUK MENGGUNAKAN ALAT-ALAT KOMUNIKASI BARU BAGI MEMBANTU MENINGKATKAN LAGI DAYA PENGELUARAN MEREKA.

DALAM HUBUNGAN INI, PERDANA MENTERI BERKATA ADALAH WAJIB DIBUAT PERANCANGAN LEBIH RAPI MENGENAI PELABURAN SUMBER NEGARA DALAM BIDANG ITU DENGAN KEUTAMAAN DISERI KEPADA KEMAJUAN INFRASTRUKTUR KOMUNIKASI.

+PENYEDIAAN INFRASTRUKTUR ASAS SEPERTI KEMUDAHAN ELEKTRIK, TELEFON DAN PERKHIDMATAN POS YANG MODEN, PERLU DIPERCEPATKAN SUPAYA BARANGAN KOMUNIKASI DAPAT DIMILIKI OLEH SEBILANGAN RAKYAT YANG RAMAI DAN TIDAK SAHAJA MEREKA YANG TINGGAL DI BANDAR DAN BERKEMAMPUAN+, TAMBAH BELIAU SEMASA MERASMIKAN SIMPOSIUM KE ARAH DASAR KOMUNIKASI NEGARA DI PUSAT PEMBANGUNAN ASIA-PASIFIK (APDC) DI SINI HARI INI.

BELIAU BERPENDAPAT OLEH KERANA SEBUAH DASAR MEMERLUKAN INSTRUMEN PERUNDANGAN YANG BERKESAN UNTUK MENGAWAL PERLAKSANAANNYA, PERSOALAN SAMA ADA INSTRUMEN PERUNDANGAN YANG ADA BERKEMAMPUAN UNTUK MENYELESAIKAN SETIAP MASALAH YANG AKAN BERBANGKIT DARI PERKEMBANGAN KOMUNIKASI TERSEBUT PERLU JUGA DIBERI PERHATIAN.

DI SAMPING ITU, TEGAS BELIAU DIANTARA CIRI-CIRI ASAS YANG BOLEH MENGGERAKKAN MASYARAKAT KE ARAH ASPIRASI DAN PANDANGAN MASYARAKAT DAN NEGARA IALAH MASYARAKAT MENGETAHUI KREATIF DAN INOVATIF BERTANGGUNG-JAWAB DAN RESPONSIF.

--LAGI 1459/AN

ZCZC 0562

MAHATHIR-DINAMIS 2 KUALA LUMPUR

KATANYA PEMBENTUKAN ORIENTASI INI PERLU BERMULA SEMASA DI ALAM KANAK-KANAK DAN DI BANGKU SEKOLAH LAGI DI MANA KANAK-KANAK HENDAKLAH DIBERI PELUANG, DALAM PERSEKITARAN YANG SESUAI, UNTUK MEMBENTUK DAYA CIPTA SENDIRI MELALUI PROSES PEMBELAJARAN YANG TIDAK TERHAD KEPADA PENGHAFALAN FAKTA, MAKLUMAT DAN KONSEP SEMATA-MATA TETAPI DIRESAPKAN DENGAN KEBOLEHAN BERFIKIR, MENGANALISA DAN MENCIPTA.

+KANAK-KANAK DIBIMBING UNTUK MEMBUAT CIPTAAN BARU DENGAN MENGGUNAKAN ALAT-ALAT ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK DAN DENGAN ITU FAHAMAN KONSEP DAN DAYA KREATIF DAN APLIKASINYA AKAN WUJUD+.

+SISTEM YANG MENEKANKAN PENGHAFALAN FAKTA TANPA KEBOLEHAN BERFIKIR, MENGANALISA DAN MENCIPTA AKAN MENWUJUDKAN MASYARAKAT YANG PASIF, YANG TIDAK DINAMIS+, TAMBAH BELIAU.

--BERNAMA 1505/AN